

## **PERANAN MAHATHIR DALAM MENCORAKKAN HALA TUJU MALAYSIA TERHADAP KOMANWEL**

*(Role of Mahathir Shaping the Direction of Malaysia in the Commonwealth)*

Mohd Afendi Daud, Junaidi Awang Besar & Novel Lyndon

### **ABSTRAK**

Artikel ini mengupas sejarah Komanwel dan seterusnya menganalisis pandangan Dr. Mahathir terhadap Komanwel. Pada mulanya Dr. Mahathir berpandangan bahawa Komanwel tidak dapat membantu Malaysia dan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak berfungsi dan dikuasai oleh Negara-negara Maju terutama Britain. Oleh itu, Dr. Mahathir telah meletakkan kepentingan Komanwel di tempat yang keempat. Ketidakhadiran beliau dalam persidangan Komanwel yang berlangsung di Melbourne, Australia pada tahun 1981 telah menyebabkan timbulnya hubungan yang kurang baik dengan pihak Australia. Pihak Australia tidak berpuas hati dengan mengkritik sikap beliau. Beliau juga turut tidak hadir di persidangan Komanwel pada tahun 1983 di New Delhi, India. Pada mulanya beliau mengambil keputusan tidak mahu menghadiri diri di Persidangan Komanwel 1985 di Nassau Bahamas tetapi bersetuju untuk menghadiri diri setelah beliau diminta oleh Setiausaha Agung Komanwel. Selepas di persidangan Komanwel 1985 ini telah mengubah pandangan Dr. Mahathir terhadap kepentingan dan peranan yang boleh dilakukan terhadap Komanwel. Artikel ini melihat kepentingan Komanwel terhadap Malaysia yang pada mulanya adalah penting terutama dalam aspek pertahanan. Zaman berubah dan kepentingan terhadap aspek ekonomi lebih diberi tumpuan terutama dalam menjalin hubungan bilateral antara negara anggota Komanwel. Mahathir telah berjaya meletakkan nama Malaysia melalui Komanwel kepada dunia terutama kepada Negara Dunia Ketiga.

**Kata kunci:** Komanwel, Ekonomi, Hubungan Bilateral, Aspek Pertahanan, Negara Dunia Ketiga

### **ABSTRACT**

*This article is looking at the history of the Commonwealth and focused on Dr. Mahathir views against the Commonwealth. At first Dr. Mahathir argued that the Commonwealth as an organization which cannot help Malaysia. The Commonwealth does not work and is dominated by Advanced Countries especially Britain. Therefore, Dr. Mahathir has put the interests of the Commonwealth in fourth place. His absence at the Commonwealth conference, held in Melbourne, Australia in 1981 had led to poor relations with Australia. The Australians were not satisfied with his criticizing attitude. He also was not present at the Commonwealth conference in 1983 in New Delhi, India. At first he decided not to attend the Commonwealth Conference 1985 in Nassau, Bahamas but agreed to attend after he was asked by the Secretary General of*

*the Commonwealth. After the Commonwealth conference in 1985 has changed the view of Dr. Mahathir on the importance and the role that can be made against the Commonwealth. This article looks at the importance of the Commonwealth of Malaysia which at first is important, especially in terms of defence. Times change and Malaysia has to focus the importance of the economic aspect especially on bilateral relations between the member states of the Commonwealth. Mahathir has managed to put name of Malaysia through the Commonwealth to the world, especially to Third World countries.*

**Keywords:** Commonwealth, Economic Bilateral Relations, Defence Aspects, Third World Countries

## **PENGENALAN**

Pertubuhan Komanwel adalah sebuah pertubuhan yang lama dianggotai oleh Malaysia iaitu selepas mencapai kemerdekaan. Apabila Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih tampuk pemerintahan Malaysia, beliau telah mengambil sikap dingin dan berkecuali terhadap pertubuhan Komanwel yang memang selama ini adalah dianggap penting dan banyak membantu Malaysia. Beliau berpendapat Komanwel sebagai sebuah pertubuhan yang tidak berfungsi secara lebih berkesan dan Malaysia tidak perlu memberi perhatian terhadap Komanwel. Ia juga disebabkan oleh sikap beliau sebagai seorang anti Barat telah membuatkan beliau tidak mahu melibatkan diri secara langsung dengan Komanwel. Komanwel dianggap telah dikuasai oleh Britain kerana kebanyakan negara yang menganggotai Komanwel adalah negara yang pernah dijajah oleh Britain. Kebanyakan negara anggota Komanwel mempunyai pandangan dan mentaliti yang masih memandang tinggi terhadap Britain walaupun telah merdeka. Artikel ini melihat peranan Mahathir dalam mencorakkan hala tuju Malaysia terhadap Komanwel daripada keengganan beliau melibatkan diri secara langsung dengan Komanwel bertukar menjadi salah seorang pencetus kepada kebangkitan Komanwel dan berjaya menyatukan ahli negara Komanwel menentang Britain dan Afrika Selatan dalam soal penghapusan dasar Aparteid di Afrika Selatan yang telah diperjuangkan sejak tahun 1960. Peranan Mahathir dilihat dalam menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap ketidakadilan rejim Afrika Selatan yang menindas rakyat kulit hitam yang merupakan majoriti penduduk di Afrika Selatan. Beliau telah melakukan desakan-desakan supaya Komanwel mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap rejim Afrika Selatan telah menampakkan keberkesanan dalam tindakan untuk menghapuskan dasar Aparteid di Afrika Selatan. Sehubungan dengan ini ia turut melibatkan corak hubungan Malaysia dengan Britain juga dilihat sama ada masih lagi terikat dengan Britain atau berjaya mempengaruhi Malaysia untuk bersekongkol dalam mempertahankan dasar Aparteid di Afrika Selatan. Suasana ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain yang baru saja pulih telah tidak mempengaruhi kedua-dua negara dalam memberi pandangan dalam isu dasar Aparteid di Afrika Selatan.

## **LATAR BELAKANG KOMANWEL**

Ahli Komanwel terdiri dari negara-negara yang pernah dijajah oleh pihak Britain. Pada tahun 1884, idea *Commonwealth of Nations* dicetuskan oleh Lord Rosebury. Beliau adalah seorang ahli politik British. Tujuan penubuhan Komanwel adalah bagi mengkategorikan wilayah-wilayah

yang sudah berkerajaan sendiri seperti Australia, New Zealand, Afrika Selatan dan Irish Free State. Namun begitu, ketua kerajaan masih lagi Raja Britain. Komanwel diwujudkan selepas *Imperial Conference* pada tahun 1926 di London. Pada tahun 1931, negara-negara ini telah dikenali sebagai *the British Commonwealth of Nations* (Roy Anthony Rogers, 2006: 94) dan diberi hak bersuara dalam *Statue of Westminster* (*Berita Harian*, 19 Jun, 1989, hlm. 3).

Selepas Perang Dunia Kedua, keadaan politik dunia telah berubah dengan adanya proses dikolonialisasi. Pada tahun 1947, negara India dan Pakistan mencapai kemerdekaan. Walaupun negara India sudah menjadi sebuah negara republik, namun keahliannya diterima dan diluluskan pada tahun 1949 dalam Persidangan Perdana Menteri Negara-negara Komanwel. Seterusnya melalui Deklarasi London 1949 Komanwel Modern telah ditubuhkan. Nama *British Commonwealth of Nations* telah berubah menjadi *Commonwealth of Nations*. Ianya bagi mencerminkan kebebasan dan kedaulatan negara-negara ahli Komanwel. Syarat bagi menerima raja atau ratu Britain sebagai ketua kerajaan negara-negara ahli Komanwel telah tidak dikuatkuasakan lagi. (Roy Anthony Rogers, 2006: 94). Pada tahun 1950, Komanwel mempunyai anggota terdiri lapan negara iaitu negara Australia, Britain, Kanada, Ceylon, India, New Zealand, Pakistan dan Afrika Selatan (*Malaysia and the Commonwealth CHOGM 1989*, 1990: 1). Pada tahun 1960, Komanwel hanya terdiri 11 negara dan pada tahun 1970, ia meningkat kepada 30 negara (*Berita Harian*, 19 Jun, 1989: 3). Penubuhan Komanwel ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan kerana banyak negara di bawah empayar Britain yang telah mencapai kemerdekaan terus menjadi ahli anggota Komanwel (*Malaysia and the Commonwealth CHOGM 1989*, 1990: 1; *Berita Harian*, 19 Jun, 1989: 3). Keahlian Komanwel terbahagi kepada tiga jenis iaitu negara-negara ahli yang masih mengiktiraf Ratu Britain sebagai ketua negara seperti Australia, New Zealand dan Fiji; Negara-negara Republik seperti India, Pakistan dan Singapura dan negara yang mempunyai raja sendiri seperti Malaysia dan Brunei Darussalam. Pada asasnya Komanwel ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan semula tanah jajahan Inggeris yang telah merdeka dan secara tidak langsung pihak Britain masih dapat menjaga kepentingan ekonomi mereka.

Sekretariat Komanwel telah ditubuhkan di London pada tahun 1965 sebagai pusat pentadbiran Komanwel dan ia diketuai oleh Setiausaha Agung Komanwel (Roy Anthony Rogers, 2006: 95). Istilah Komanwel digunakan untuk menggambarkan satu bentuk kerajaan yang ditubuhkan oleh Oliver Cromwell di mana kekayaan negara dinikmati bersama. Keahlian Komanwel terbahagi kepada tiga jenis iaitu negara-negara ahli yang masih mengiktiraf Ratu Britain sebagai ketua negara seperti Australia, New Zealand dan Fiji; Negara-negara Republik seperti India, Pakistan dan Singapura dan negara yang mempunyai raja sendiri seperti Malaysia dan Brunei Darussalam (Roy Anthony Rogers, 2006: 95). Komanwel dapat memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa memandangkan keadaan politik dunia yang mengalami perubahan yang sangat memberangsangkan. Negara-negara Komanwel terutama negara-negara kecil mendapat faedah daripada peranan Komanwel yang dapat memberi sokongan moral dalam perjuangan mendapatkan hak mereka di bawah undang-undang antarabangsa (*Foreign Affairs Malaysia*, December 1985: 415). Negara-negara kecil diberi peluang dalam memberi sumbangan besar dalam menentukan nasib dunia dalam dialog-dialog yang diadakan di antara negara-negara Maju. Negara kecil juga dapat menggunakan pertubuhan Komanwel sebagai perlindungan keselamatan

negara mereka. Ini terkandung dalam Laporan 1985 yang bertajuk 'Ketidakupayaan negara kecil dalam masyarakat sedunia' (*Berita Harian*, 7 November, 1989, hlm. 4).

Komanwel adalah sebuah badan runding yang tidak terikat dengan sebarang perjanjian dan menjadi forum perbincangan ahli-ahli anggota bagi mencari persefahaman isu-isu bersama. Keanggotaan ahli Komanwel adalah secara sukarela (*Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989: 4). Semua persidangan diadakan di London dan menjadi tanggungjawab pihak Britain sehinggalah pada tahun 1965 Sekretariat Komanwel ditubuhkan (Roy Anthony Rogers, 2006: 95). Persidangan pertama yang diadakan di luar London adalah di Singapura pada tahun 1971 (*Malaysia and the Commonwealth CHOGM*, 1989, 1990: 2). Persidangan Komanwel adalah unik dan diadakan secara sosial dan stail kekeluargaan yang dihadiri oleh negara-negara yang kaya dan miskin (*The Star*, 15 May, 1985: 2). Tunku menjelaskan: "With Commonwealth conferences this is to expected because the Commonwealth countries are spread throughout the four continents. They consist of peoples of all races and creeds. They are made up of the former British colonies which were given their freedom after the independence of Malaysia as Britain introduced its "change of wind policy" (Tunku Abdul Rahman, 1983: 81).

Komanwel tidak mempunyai perlembagaan atau piagam. Negara-negara ahli mempunyai kebebasan untuk keluar daripada menjadi ahli Komanwel. Taraf keahlian adalah sama rata tidak mengira saiz ataupun kedudukan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun Prinsip-prinsip Deklarasi Komanwel Singapura 1971 diwujudkan pada Persidangan Ketua-ketua Komanwel di Singapura yang mempunyai empat belas prinsip utama. Prinsip-prinsip ini telah disahkan pada Deklarasi Komanwel Harare 1991 (Roy Anthony Rogers, 2006: 95-96). Kebanyakan negara-negara ahli Komanwel mempunyai persamaan dari segi sejarah dan pengalaman menuntut kemerdekaan. Begitu juga dengan peninggalan British terhadap institusi politik dan birokrasi serta sistem ekonomi. Penggunaan bahasa Inggeris secara meluas di kalangan negara-negara ahli Komanwel dan ianya merupakan suara penghubung antara negara-negara Komanwel. Kebanyakan negara-negara ahli Komanwel dalam keadaan miskin dan dalam proses pembangunan. Salah satu objektif penyertaan Negara-negara Membangun adalah untuk memperolehi bantuan serta kerjasama dari negara-negara yang telah maju seperti Britain, Australia dan Kanada. Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia menjadi anggota ahli Komanwel. Komanwel adalah sebuah badan runding yang tidak terikat dengan sebarang perjanjian dan menjadi forum perbincangan ahli-ahli anggota bagi mencari persefahaman isu-isu bersama dan keanggotaan ahli Komanwel adalah secara sukarela (*Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989: 4). Dalam dasar luar Malaya, Komanwel menjadi pertubuhan yang kedua terpenting selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada tahun 1960-an, hubungan Malaysia dengan Britain dan Komanwel adalah erat. Menurut Abdullah Ahmad: "It depended on Britain and Commonwealth for trade, commerce, education, training and defence assistance." (Abdullah Ahmad, 1984).

## **PANDANGAN DR. MAHATHIR TERHADAP KOMANWEL**

Mahathir menjelaskan perkataan Komanwel membawa makna berkongsi kemewahan antara ahli-ahli, istilah Komanwel digunakan untuk menggambarkan satu bentuk kerajaan yang ditubuhkan oleh Oliver Cromwell di mana kekayaan negara dinikmati bersama. Pada hakikatnya bukanlah

bermakna kongsi kemewahan. Negara-negara yang kaya dalam Komanwel tidak mahu berkongsi kekayaan mereka dengan negara-negara miskin dalam Komanwel (*Foreign Affairs Malaysia*, June 1985: 274). Ahli-ahli Komanwel perlu membayar sekiranya memerlukan sesuatu dan sekiranya bukan ahli perlu membayar lebih, mereka dapat memperoleh apa yang mereka mahukan. Sebenarnya, bagi negara yang miskin pasti tidak dapat membayar apa yang mereka mahukan di Komanwel. Ia adalah kedudukan yang tidak seimbang antara negara yang kaya dengan negara yang miskin dan jurangnya amatlah besar. Oleh kerana itu setelah mengambil alih tampok pemerintahan, Dr. Mahathir telah mengambil keputusan untuk mengkaji semula kedudukan Komanwel yang dianggap kurang membantu Malaysia terutama kepada beberapa negara dalam Komanwel. Beliau berkata: "Not getting much help, particularly from certain Commonwealth countries." (*The Sydney Morning Herald*, 17 Sep. 1981: 4). Malaysia meletakkan kedudukan Komanwel di tempat keempat dalam hubungan luar negara selepas ASEAN, OIC dan NAM. (Roy Anthony Rogers, June 1985, hlm. 274; *Amanat Presiden: Demi agama, bangsa dan negara: 1981-2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*: 27). Dr. Mahathir menjelaskan: "It is because of this that Malaysia has relegated the Commonwealth to fourth place in order of priority in its foreign relations." (*Foreign Affairs Malaysia*, June 1985: 274). Selain daripada kesamaan yang terdapat antara negara-negara Komanwel tidak ada apa kelebihan yang boleh dikongsi kemewahan di Komanwel. Dr. Mahathir menyatakan: "We appreciate the ambience created by the knowledge of common language. We do feel comfortable in surroundings which are often familiar, but beyond that there is really very little." (*The Glasgow Herald*, 6 Apr. 1985: 1).

Dr. Mahathir tidak menyertai Mesyuarat-mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang telah diadakan iaitu di Melbourne, Australia pada tahun 1981 dan di New Delhi, India pada tahun 1983 kerana beliau berpendapat bahawa mesyuarat-mesyuarat tersebut tidak begitu memberi kesan dalam menyelesaikan masalah-masalah Negara-negara Membangun terutama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di mana kerjasama daripada Negara-negara Maju dalam Pertubuhan Komanwel untuk mengatasi masalah tersebut tidak menggalakkan. Dr. Mahathir berpendapat "My main contention is that it should not be just a matter of discussing problems. It should be followed by active and positive action." (*The Sydney Morning Herald*, 28 Sep. 1981: 2). Berbeza pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Nassau, Bahamas pada 16hb hingga 22hb Oktober, 1985 beliau telah mengambil keputusan untuk menghadiri adalah kerana beliau ingin menggunakan kesempatan tersebut bagi menggesa ahli-ahli Komanwel terutama negara-negara Barat untuk bersatu dalam mengambil tindakan tegas dari segi sekatan ekonomi dan perdagangan terhadap negara Afrika Selatan supaya negara tersebut dipaksa menghapuskan sama sekali dasar aparteid yang telah mengakibatkan penderitaan dan pengorbanan nyawa terutama rakyat kulit hitam di Afrika Selatan. Beliau bimbang melihat perkembangan di Afrika Selatan itu dan berpendapat sekiranya tidak mengambil tindakan segera boleh mengakibatkan rakyat kulit hitam terus menderita dan ditindas oleh golongan minoriti kulit putih. Beliau mahukan satu tindakan yang lebih tegas dilakukan dengan caramemulaukan Afrika Selatan. Strategi memboikot atau sekatan dapat memberi tekanan kepada rejim Afrika Selatan supaya mengambil langkah menghapuskan dasar aparteid dan menukar corak pemerintahan yang lebih adil terhadap orang-orang kulit hitam yang sedang mengalami keadaan diskriminasi dan ditindas walaupun mereka adalah rakyat majoriti di Afrika Selatan. Tekanan daripada Komanwel dan masyarakat antarabangsa terhadap rejim Afrika

Selatan dapat mengendurkan suasana yang semakin hari semakin tegang dan genting (*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, 29-10-1985: 5613).

Selain daripada tujuan utama itu, Dr. Mahathir telah juga memberi pandangan-pandangan terhadap isu-isu politik dan juga ekonomi yang penting bagi Malaysia kepada forum tersebut dan telah berusaha mendapatkan komitmen daripada rakan-rakan sejawat beliau dari negara-negara Komanwel lain untuk bersatu dan bermufakat mengatasi masalah-masalah semasa yang dihadapi. Beliau telah menegaskan di mesyuarat tersebut perlunya bagi Negara-negara Maju dalam Komanwel menukar sikap terhadap dasar ekonomi dan perdagangan mereka dan menunjukkan tanda ikhlas dalam membantu ahli-ahli Komanwel yang lain supaya potensi pertubuhan itu dapat dicapai demi kebaikan bersama. Tindakan Dr. Mahathir dengan ucapan yang bernas dan berterus-terang oleh beliau di Persidangan Komanwel di Bahamas telah mendapat reaksi daripada semua ahli-ahli anggota Komanwel yang menghadiri mesyuarat tersebut begitu menggalakkan sekali. Malah dengan ucapan yang begitu tegas itu telah pun mencetuskan suasana yang sesuai untuk perbincangan-perbincangan seterusnya telah pun diadakan dengan penuh serius. Beberapa keputusan telah pun dicapai dan menguntungkan semua pihak. Malah pihak Britain sendiri telah pun menukar sikapnya yang begitu berdegil pada mulanya kepada satu sikap tolak ansur sebagaimana yang terdapat dalam perjanjian terakhir mesyuarat tersebut.

Dr. Mahathir beranggapan bahawa Komanwel adalah sebagai sebuah pertubuhan yang 'hidup segan' dan adalah "creature of the past". (*Malaysia and the Commonwealth CHOGM*, 1989, 1990: 9). Keengganan Dr. Mahathir menghadiri persidangan negara-negara Komanwel yang dianggap oleh Malaysia sebelumnya sebagai pertubuhan agung telah menggemparkan dunia terutama ahli Komanwel sendiri (*Berita Harian*, 4 September, 1989: 10). Anggota Komanwel sendiri telah mengecam dan mengutuk sikap Mahathir yang dianggap memboikot persidangan Komanwel, terutama dari Australia (sebuah stesen pemancar di Queensland telah mengkritik sikap Perdana Menteri itu pada 4 September 1981), Menteri Luar Australia Tony Street menyatakan: Dr. Mahathir sebagai "stupid and offensive" (*New Straits Times*, 17 Sep. 1981: 1). Walaupun dikritik Dr. Mahathir tetap berkeras dan enggan hadir ke Persidangan Komanwel di Melbourne, Australia. Beliau berpendapat pendirian Komanwel tidak banyak memberi faedah kerana lebih banyak bercakap daripada bekerja. Dr. Mahathir memberitahu: "there is a lot more work to do here in Malaysia." (*New Straits Times*, 16 Sep. 1981: 1). Ghazali menjelaskan lagi: "...we have not been able to produce greater success story in the economic and social cooperation in the Commonwealth." (*Foreign Affairs Malaysia*, 1981: 324). Mahathir turut menjelaskan bahawa Malaysia tiada keperluan untuk menghadiri persidangan di Melbourne, Australia dan melihat kepada sikap Negara-negara Maju yang menganggotai Komanwel mendiskriminasi Negara-negara Membangun. Walaupun Mahathir tidak menyatakan negara mana, namun menurut Ghazalie Shafiee: "...countries such as Britain, Canada, Australia and New Zealand could take the lead in reducing trade barriers and providing more aid to nations in need." (*The Sydney Morning Herald*, 28 Sep. 1981: 2). Mahathir juga merasa tidak puas hati terhadap laporan-laporan media Australia terhadap Malaysia dan beberapa isu dengan Australia yang melibatkan perdagangan, imigresen dan pelajar Malaysia yang menuntut di Australia. Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir menyatakan hubungan Malaysia dengan Britain sebagai "quite okay".

Setiap ahli Komanwel mempunyai kedudukan tersendiri sama ada kaya atau miskin dan mempunyai kebebasan untuk melakukan apa sahaja (*Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, hlm. 86). Ia merupakan sebagai satu forum untuk negara-negara kecil yang baru merdeka dan ramai ketua-ketua negara yang hadir dari negara-negara kecil (Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003*, Tun Dr. Mahathir Mohamad, 2009, hlm. 27). Situasi ini membolehkan Malaysia berperanan dalam pembangunan negara-negara kecil (*Berita Harian*, 11 September, 1982, hlm. 6). Dilaporkan ada beberapa perkara yang menyebabkan Perdana Menteri kurang senang dengan tindakan pertubuhan dunia itu. Antaranya ialah sifat persidangan itu yang lebih banyak bercakap daripada bekerja (*Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, hlm. 52) yang pada pendapat Dr. Mahathir lebih menguntungkannya berada di Malaysia dari membuang masa menghadiri persidangan itu (*New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 4; Chandran Jeshurun, *Malaysia: Fifty years of diplomacy, 1957-2007*, hlm. 168). Peluang yang boleh diambil dalam Komanwel oleh Negara-negara Membangun bagi meningkatkan ekonomi masing-masing adalah dengan saling membantu tetapi di Komawel tidak menampakkan usaha-usaha saling membantu malah Negara Maju dalam Komanwel sendiri tidak mahu membantu Negara-negara Membangun (*Utusan Malaysia*, 7 Januari, 1987, hlm. 1). Persoalan yang ditimbulkan oleh Malaysia ialah: “Are they fully utilising the potential of the Commonwealth or are they merely paying lip-service to the Commonwealth ideals of cooperations.” (*Foreign Affairs Malaysia*, December 1985, hlm. 415).

Hala tuju perdagangan Malaysia dengan Komanwel telah berubah dan lebih memberi perhatian terhadap negara-negara luar dari Komanwel. *Commonwealth preference* yang dikenali tidak lagi menjadi sebahagian besar perdagangan dengan Malaysia kerana ia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kekuatan dan bantuan dari negara-negara Komanwel. Malaysia telah terikat dengan ASEAN (*Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989,1990*, hlm. 13) dan manakala Britain pula melibatkan perdagangan mereka dalam Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) (*Foreign Affairs Malaysia*, December 1985, hlm. 415; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, hlm. 148). Penglibatan Britain dalam EEC mengecewakan Dr. Mahathir kerana beranggapan pengasas Komanwel sendiri telah membelakangkan Komanwel. Eksport barangan ke Britain tertakluk kepada skim tarif EEC. EEC telah membenarkan kemasukan barangan pertanian dan perindustrian tanpa cukai dan tanpa sekatan ke atas negara Afrika, Caribbean dan Pasifik (ACP). Malaysia menghadapi persaingan dan menjejaskan eksport Malaysia ke Britain. Malaysia membuat rayuan tidak dihiraukan oleh pihak Britain malah Komanwel turut tidak dapat membuat sesuatu kerana Komanwel dikuasai oleh Britain. Sikap *Protectionist* Britain dengan alasan mahu melindungi industri tempatan Britain. Tindakan daripada Britain ini adalah bersikap negatif dan menjejaskan hubungan Malaysia dengan Britain (Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara*, Jilid II, 1997, hlm. 323; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, hlm. 148) Mahathir berpandangan EEC merupakan satu kuasa yang mahu mengawal ekonomi dunia dan menjadi batu penghalang terutama kepada blok Timur untuk lebih maju lagi. Mahathir menyatakan: “In the economic field they set up the E.E.C., or European Economic Community, as a means of controlling the world market so that the East would not be able to reverse the economic oppression the West had inflicted on it.” (Mahathir Mohamad, *Mahathir Mohamad: The challenge*, 1986, hlm. 48).

Malaysia tidak lagi menjadikan bahan mentah seperti bijih timah dan getah sebagai komoditi utama. Malah tidak lagi bergantung hanya kepada kedua-dua komoditi tersebut dan telah mempelbagaikan sektor ekonomi dengan menjadi pengeluar minyak kelapa sawit, petroleum, kayu balak dan barang-barang pembuatan (Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, 2001, hlm. 29). Lihat seperti Jadual 4.1 di bawah:

**Jadual 4.1: Malaysia: Struktur Eksport 1970-1989 (peratus)**

<b>PRODUK</b>	<b>1970</b>	<b>1975</b>	<b>1980</b>	<b>1985</b>	<b>1989</b>
<b>GETAH</b>	33.4	21.9	16.4	9.6	5.8
<b>TIMAH</b>	14.6	13.1	8.9	3.0	1.7
<b>KAYU BALAK</b>	16.5	12.1	14.1	10.3	10.7
<b>KELAPA SAWIT</b>	5.1	14.3	9.2	11.8	6.9
<b>PETROLEUM</b>	3.9	0.2	23.8	22.6	11.6
<b>PEMBUATAN</b>	11.9	21.4	21.7	31.2	54.0
<b>LAIN-LAIN</b>	9.6	8.0	5.9	11.5	9.3
<b>JUMLAH</b>	100	100	100	100	100

*Sumber:* Dr Lukman Thaib, *The politics and governments of South East Asia*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd, 1997, hlm. 130.

Sektor pembuatan di antara tahun 1970 hingga pada tahun 1989 telah meningkat dengan mendadak sekali iaitu daripada 11.9 peratus kepada 54.0 peratus. Begitu juga petroleum daripada 3.9 peratus kepada 11.6 peratus. Kedua-dua sektor ini telah mengambil alih kedudukan getah dan bijih timah. Pada tahun 1970, getah telah menyumbang sebanyak 33.4 peratus dan pada tahun 1989 telah merosot kepada 5.8 peratus. Manakala bijih timah pula pada tahun 1970, sebanyak 14.6 peratus kepada 1.7 peratus pada tahun 1989 (Lihat Jadual 4.1). Pasaran Malaysia tidak lagi tertumpu kepada pasaran Komanwel dengan adanya pelbagai komoditi. Malaysia memerlukan pasaran yang lebih besar bagi memasarkan pelbagai komoditi yang ada dan perlunya keluar dari lingkaran Komanwel.

Mahathir melihat dalam Komanwel sendiri terdapat sikap setengah negara ahli Komanwel yang mengutuk perbuatan diskriminasi tetapi mereka sendiri yang mengamalkannya. Ada negara yang berjuang untuk menuntut hak yang sama bagi kumpulan minoriti di negara lain tetapi tidak bersedia memberikan hak kepada komuniti minoriti negara sendiri. Mereka pula menjadi pencetus kepada kumpulan minoriti untuk membuat kekacauan. Bagi Dr. Mahathir pertubuhan Komanwel adalah sebuah pertubuhan yang berbentuk kelab sosial dan mempunyai pertuturan yang sama iaitu bahasa Inggeris dan tidak lebih daripada itu. Komanwel dianggap tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dunia dan juga tidak mampu menyumbang apa-apa kepada dunia (*Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 18; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm.1; *Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20). Kritikan Dr. Mahathir terhadap kepentingan dan kepercayaan terhadap Komanwel dengan menyatakan: "There is too much talk with nothing tangible." Bagi Tunku keadaan sedemikian sama sahaja dengan organisasi-organisasi lain. (Tunku Abdul Rahman, *Something to remember*, 1983, hlm. 81).

Komanwel adalah satu forum untuk negara-negara kecil berinteraksi dengan Negara-negara Maju dan berpeluang menyatakan pendirian dan masalah-masalah serta meminta bantuan daripada negara-negara lain anggota Komanwel tetapi Negara Maju mengamalkan dasar



perlindungan bagi melindungi ekonomi mereka daripada Negara-negara Sedang Membangun daripada menembusi pasaran negara mereka dengan cara menguatkuasakan pelbagai peraturan dan sekatan bagi menyukarkan serta menggagalkan masuknya barangan Negara Sedang Membangun ke pasaran mereka. Komanwel adalah simbol negara-negara yang pernah dijajah telah bebas tetapi mereka menghadapi imperialisme ekonomi oleh Negara-negara Maju. Komanwel yang menjanjikan penyertaannya mendapat faedah tetapi gagal memenuhi hasrat tersebut. Dr. Mahathir mahu mengubah paradigma Komanwel di mana perlunya Komanwel berubah mengikut arus perubahan dunia dan tidak kekal di tahap sejak mula ditubuhkan. Komanwel tidak lagi dikuasai oleh negara-negara pengasas dari Negara-negara Maju seperti Britain, Kanada, Australia dan New Zealand (*Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2014, hlm. 119). Imej dan pengaruh Britain tidak lagi dapat mempengaruhi ahli Komanwel. Komanwel bukan lagi hak Britain tetapi hak bersama antara negara ahli Komanwel dan kedudukan adalah sama rata (*Ottawa Citizen*, Sep. 30, 1986, hlm. A9). Sebaliknya Komanwel telah dikuasai oleh negara-negara yang pernah dijajah oleh Britain dan sedang berusaha untuk membangunkan negara. Oleh itu bagi mengekalkan kewujudan Komanwel perlunya usaha-usaha yang lebih agresif dan bermakna. Semua ahli mendapat faedah bersama sesuai dengan nama Komanwel iaitu Kemakmuran Bersama.

Bagi merealisasikan Komanwel sebagai pertubuhan yang ahlinya bersatu adalah memerlukan negara-negara anggota Komanwel terutama yang menjadi pengasas perlu berdiri teguh dan tidak mudah berputus asa apabila dikritik atau terdapat halangan terutama dalam bidang ekonomi. Mereka adalah sebagai contoh kepada negara ahli-ahli baru Komanwel dan sebagai simbol semangat Komanwel (*Utusan Malaysia*, 7 Januari, 1987, hlm. 1). Terdapat tiga faedah menjadi keanggotaan Komanwel. Pertama, wujudnya Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan setiap dua tahun dapat memberi ruang kepada ahli-ahli anggota untuk bertukar pendapat dan mencapai kata sepakat mengenai pelbagai masalah yang dihadapi. Jika dibandingkan dengan badan dunia lain seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi memenuhi tujuan bertukar pendapat dan mencari kata sepakat, Komanwel adalah amat sesuai dan memberi kesempatan untuk berbuat demikian. Suasana Komanwel yang lebih selesa dan akrab dapat membantu memberikan suasana yang harmoni antara ahli anggota Komanwel. Tambahan pula kaitan sejarah masa lalu dan bahasa yang digunakan lebih menyenangkan para pemimpin berhubung antara satu sama lain dan mencapai persefahaman dalam isu-isu yang dibincangkan. Kedua, Komanwel bukanlah hanya sebuah 'Kelab Sosial' sahaja dan ia adalah sebuah 'Kelab Kerja' yang berusaha mengatasi masalah dunia melalui rundingan bagi mencari persefahaman dan ketiga, Urusetia Komanwel sentiasa menggalakkan dan merancang berbagai program usahasama untuk ahli-ahli anggota khususnya dalam bidang kerjasama teknikal dan pendidikan.

Sekembali Dr. Mahathir daripada Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas, Dr. Mahathir telah menggesa supaya diadakan satu kajian tentang objektif dan kepentingan Malaysia di dalam Komanwel. Pada tahun 1986, Kementerian Luar Negara berserta dengan Institut Kajian Strategik dan Hubungan telah membuat kajian semula rasional keanggotaan Malaysia dalam Komanwel (*Malaysia and the Commonwealth CHOGM*, 1989, hlm. 10). Dalam Laporan Kementerian Luar telah memberi contoh negara Pakistan yang telah menarik diri (*Berita Harian*, 19 Jun, 1989, hlm. 3) dari menjadi keanggotaan ahli Komanwel pada tahun 1972, (*Ibid.*, hlm. 99-100) walaupun Pakistan merupakan salah

sebuah negara pengasas pertubuhan Komanwel pada tahun 1940-an. (*Dewan Masyarakat*, Oktober 1989). Pakistan telah menarik diri dengan tidak menjadi ahli Komanwel telah terpinggir dari masyarakat antarabangsa. Oleh itu, keanggotaan Malaysia dalam Komanwel masih relevan dan penting. Walau bagaimanapun sebagai sebuah negara membangun, Malaysia masih memerlukan kerjasama di kalangan negara-negara Komanwel. Malaysia turut melihat adanya potensi kerjasama antara Komanwel yang menguntungkan Malaysia. Kajian yang telah dilakukan oleh Malaysia mendapati kegunaan dan keunikan Komanwel sebagai sebuah forum perbincangan di antara Ketua-Ketua Kerajaan. Begitu juga peranan Komanwel di peringkat antarabangsa yang mempunyai pengaruh sebagai satu kumpulan yang mewakili kuasa moderate dan konstruktif bagi keamanan dunia dan kerjasama. Komanwel juga dapat memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa sebagai perunding multilateral. Terdapat juga pengiktirafan pelbagai badan di dalam Komanwel sendiri dan potensi bagi pembangunan kerjasama intra-Komanwel. Malaysia juga boleh memainkan peranan yang lebih aktif dan meminta perubahan yang konstruktif dalam Komanwel (*Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, hlm. 52).

Memandangkan keadaan politik dunia yang mengalami perubahan yang sangat memberangsang membolehkan Komanwel memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa (*ISIS Focus*, No. 56, November 1989, 1989, hlm. 21). Peranan Komanwel dapat memberi sokongan moral dalam perjuangan mendapatkan hak mereka bagi mendapat faedah terutama negara-negara kecil di bawah undang-undang antarabangsa (*Foreign Affairs Malaysia*, December 1985, hlm. 415). Negara-negara kecil diberi peluang dalam memberi sumbangan besar bagi menentukan nasib dunia dalam dialog-dialog yang diadakan di antara Negara-negara Maju. Negara kecil juga dapat menggunakan pertubuhan Komanwel sebagai perlindungan keselamatan negara mereka. Ini terkandung dalam Laporan 1985 yang bertajuk 'Ketidakupayaan negara kecil dalam masyarakat sedunia' (*Berita Harian*, 7 November, 1989, hlm. 4). Malaysia dengan lantang mengkritik dan mempersoalkan kewibawaan Komanwel (Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 99). Walau bagaimanapun Dr. Mahathir akur dengan peranan Komanwel dibandingkan sebelum ini sebagai sebuah forum antara bekas negara-negara penjajah dengan negara-negara yang dijajah. Ia sudah berbeza kerana Komanwel adalah tempat pertemuan ketua-ketua negara yang setaraf, mempunyai persamaan idea dan aspirasi dalam banyak perkara. Ia telah dapat mengikis sikap negatif lama dan sanggup menerima program-program yang mencerminkan aspirasi negara-negara ahlinya terutama Negara-negara Membangun. Sebelum ini memang terdapat kerjasama antara negara-negara ahli Komanwel sendiri khususnya dalam Rancangan Colombo dan Tabung Komanwel untuk kerjasama teknikal, dalam isu-isu besar ekonomi dan politik dunia tetapi pendapat Komanwel adalah sangat berbeza dan tidak berkesan. Tambahan pula Negara-negara Maju dalam Komanwel sendiri tidak peka dengan rayuan dan penderitaan negara ahli Komanwel yang tidak maju apabila menghadapi masalah (*Utusan Malaysia*, 13 Mac, 1990, hlm. 2).

Selain itu terdapat program bagi golongan muda dan Malaysia dapat memainkan peranan dalam melaksanakan program-program Majlis Hal Ehwal Belia Komanwel (CYAC). Ia adalah badan pembuat dasar bagi *Commonwealth Youth Programme* yang telah mengadakan persidangannya di Georgetown, Guyana pada 10 Mei 1986 hingga 14 Mei 1986 telah membincangkan program-program dan peruntukan kewangannya bagi tempoh 1986-1988. Ia

juga telah membincangkan satu kertas dasar mengenai struktur dan mekanisma bagi penglibatan belia dalam pembangunan. Sebagai contohnya, Malaysia telah dapat mempengaruhi badan ini supaya menjadikan usaha membanteras penyalahgunaan dadah sebagai satu dari program pentingnya. Hasil dari penyertaan cergas kita dalam badan ini sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1971, negara telah dapat faedah-faedah berikut: (1) Malaysia mendapat 5 biasiswa tiap-tiap tahun untuk menghantar pegawai dan pemimpin belia ke Kursus Diploma dalam Kerja Belia di Pusat Latihannya di Chandigarh, India. (2) Malaysia dapat menghantar dari masa ke semasa pegawai-pegawai belia untuk menghadiri kursus-kursus, bengkel dan seminar-seminar dengan percuma. (3) Dengan bantuan kewangan dan kepakaran-kepakaran badan ini, Malaysia dapat mengadakan kursus-kursus, bengkel dan seminar di negara ini. (4) Dari masa ke semasa, Malaysia menerima biasiswa dari badan ini untuk menghantar pegawainya untuk lawatan sambil belajar. (5) Dari masa ke semasa, Malaysia menerima bantuan kewangan untuk projek kecil: (i) Projek temak kambing di Melaka-\$6,000 (ii) Projek membeli alat-alat latihan untuk Bengkel Teknologi Desa, Pamah Kulat-\$6,000 (6) Badan ini juga menghantar pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin belia dari negara-negara Commonwealth yang lain ke Malaysia untuk latihan dalam bidang belia. Ini mendatangkan faedah politik, ekonomi dan sosial kepada Malaysia (*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen 7, Penggal 1, Jilid 1, Bil. 44, 8 Disember, 1986, hlm. 6361-6362).

Komanwel masih penting walaupun terdapat beberapa isu yang masih belum dapat diselesaikan. Dr. Mahathir menyatakan: "Malaysia holds the view that the Commonwealth is still a useful forum although personally I feel that it has not risen to the occasion when it is most needed. I refer to despicable policy of apartheid practiced by the white regime in South Africa." (*Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, hlm. 53). Ini adalah merujuk kepada keengganan pihak Britain bersetuju bersama ahli Komanwel yang lain mengenakan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan. (*Berita Harian*, 21 Julai, 1987, hlm. 1). Akhirnya Malaysia mengambil pendirian untuk meneruskan keahliannya dalam Komanwel (Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhanas Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, 99-100).

Dr. Mahathir merasa tidak puas hati di atas sikap pemimpin Britain yang tidak mahu turut bersama dengan anggota Komanwel yang lain mengenakan sekatan ke atas Afrika Selatan dengan memberi alasan sekatan yang dikenakan akan menyebabkan rakyat kulit hitam Afrika Selatan akan menderita (*Malaysian Business*, November 1-15, 1989, hlm. 5). Sebagai sebuah negara yang disegani dalam Komanwel dan dunia, Britain patut bersama-sama menegaskan pendirian dan tindakan yang diambil ke atas Afrika Selatan dalam satu suara (*Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, hlm. 50). Walaupun pengaruh Britain masih kuat di kalangan negara-negara Komanwel namun suara Malaysia tidaklah dipinggirkan langsung terutama dalam soal anti-apartheid di Afrika Selatan di mana kepentingan ekonomi Britain di Afrika Selatan terlalu banyak. Bermula dengan desakan oleh Dr. Mahathir di Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas pada tahun 1985 supaya sekatan ekonomi yang lebih tegas dikenakan ke atas Afrika Selatan telah menyebabkan ianya berlanjutan kepada setiap persidangan Komanwel yang diadakan bagi memberi tekanan kepada Britain supaya bersama-sama ahli negara Komanwel yang lain mengambil tindakan bersama menyekat ekonomi Afrika Selatan (Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa',

dalam Ruhanas Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, 2006, hlm. 99).

Akhirnya Dr. Mahathir mengiktiraf peranan Komanwel dibandingkan sebelum ini sebagai sebuah forum antara bekas negara-negara penjajah dengan negara-negara yang dijajah. Ia sudah berbeza kerana Komanwel adalah tempat pertemuan ketua-ketua negara yang setaraf, mempunyai persamaan idea dan aspirasi dalam banyak perkara. Ia telah dapat mengikis banyak sikap negatif lama dan sanggup menerima program-program yang mencerminkan aspirasi negara-negara ahlinya terutama Negara-negara Membangun. Walaupun terdapat kerjasama antara negara-negara ahli Komanwel sendiri khususnya dalam Rancangan Colombo dan Tabung Komanwel untuk kerjasama teknikal, dalam isu-isu besar ekonomi dan politik dunia tetapi pendapat Komanwel adalah sangat berbeza dan tidak berkesan. Tambahan pula Negara-negara Maju dalam Komanwel sendiri tidak peka dengan rayuan dan penderitaan negara ahli Komanwel yang tidak maju apabila menghadapi masalah (*Utusan Malaysia*, 13 Mac, 1990, hlm. 2). Sikap dan keadaan telah berubah, Negara-negara Maju mula menyedari hakikat bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu mana-mana negara yang kurang maju. Bagi Tunku hubungan dengan Komanwel pada waktu pentadbiran beliau adalah diperlukan sebagai sebuah negara yang baru merdeka dalam serba kekurangan. Tunku menyatakan: "The Commonwealth countries' past services to our nation cannot be easily forgotten. Like a good and grateful friends we must remember their good deeds always." (Tunku Abdul Rahman, *Something to remember*, 1983: 83).

## KESIMPULAN

Komanwel adalah sebuah pertubuhan yang dapat memberi teguran atau kritikan terhadap sesuatu isu dengan lebih efektif apabila semua anggota mendapat persetujuan dan tiada kuasa veto. Walaupun Britain adalah sebuah negara yang telah menjajah anggota negara Komanwel tetapi tidak lagi dapat menguasai Komanwel. Perubahan masa telah menyebabkan Malaysia tidak lagi condong kepada Britain dan keputusan yang diambil adalah mengikut pendirian majoriti. Mahathir telah meletakkan semula Komanwel sebagai sebuah pertubuhan yang boleh membantu Malaysia dan secara tidak langsung dapat mengembangkan dan meningkatkan ekonomi Malaysia serta menarik dari pelbagai negara yang melabur di Malaysia. Kelebihan yang terdapat dalam Komanwel digunakan oleh Malaysia terutama dalam aspek ekonomi. Malaysia dapat meluaskan pasaran dan hubungan perdagangan dengan negara-negara anggota Komanwel terutama dapat menarik perhatian negara-negara dari Afrika. Selain itu, platform Komanwel ini telah memberi peluang kepada Mahathir dalam menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Negara-negara Maju dalam menjalinkan hubungan dengan Negara-negara Membangun yang berat sebelah dan menindas kebanyakan Negara Dunia Ketiga dengan melaksanakan pelbagai halangan dalam menyekat pasaran mereka daripada dimasuki oleh negara luar. Mahathir telah berjaya mengubah corak hubungan Malaysia dengan Komanwel kepada yang lebih agresif dan lebih dikenali di kalangan negara anggota Komanwel.

## RUJUKAN

- Abdullah Ahmad (1985) *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad Atory Hussain (1995) *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Amanat Presiden: Demi agama, bangsa dan negara: 1981-2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad.*
- Berita Harian*, 11 September, 1982.
- Berita Harian*, 19 Jun, 1989.
- Berita Harian*, 21 Julai, 1987.
- Berita Harian*, 4 September, 1989.
- Berita Harian*, 7 November, 1989.
- Chandran Jeshurun. 2005. *Malaysia: Fifty years of diplomacy, 1957-2007*, Singapore: Talisman Publishing Pte Ltd.
- Dewan Masyarakat*, Oktober 1989.
- Foreign Affairs Malaysia*, 1981, Vol.14.
- Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, Vol. 22, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1985, Vol. 18, No. 4.
- Hambali Abdul Latif. 2001. *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya.
- ISIS Focus*, No. 56, November 1989.
- Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, (2014) Petaling Jaya: MPH Publishing.
- Jomo K. S. (2010) *Warisan ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

*Malaysia and the Commonwealth CHOGM 1989*, (1990) Kuala Lumpur: Economic Research Associates.

*Malaysian Business*, November 1-15, 1989.

Murugesu Pathmanathan and David Lazarus (1984) *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastern Productions Sdn Bhd.

*New Straits Times*, 16 October, 1981.

*New Straits Times*, 16 September, 1981.

*New Straits Times*, 17 October, 1989.

*New Straits Times*, 17 September, 1981.

*Ottawa Citizen*, Sep. 30, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen 7, Penggal 1, Jilid 1, Bil. 44, 8 Disember, 1986.

Roy Anthony Rogers (2006) Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhanas Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.

*The Glasgow Herald*, 6 April, 1985.

*The Star*, 15 May, 1985.

*The Sydney Morning Herald*, 17 Sep. 1981.

*The Sydney Morning Herald*, 28 Sep. 1981.

Tunku Abdul Rahman (1983) *Something to remember*, Singapore: Eastern University Press Sdn Bhd.

Ucapan di Seminar Pelaburan yang dianjurkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) di London pada 22 Julai 1987.

*Utusan Malaysia*, 13 Mac, 1990.

*Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989

*Utusan Malaysia*, 17 Oktober, 1985

Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997) *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara*, Jilid II, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Mohd Afendi Daud (calon PhD)

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

Junaidi Awang Besar – Pensyarah Kanan (PhD)

Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Novel Lyndon – Profesor Madya (PhD)

Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Correspondence: Mohd Afendi Daud ( emel: [fnd2009@siswa.um.edu.my](mailto:fnd2009@siswa.um.edu.my) )